

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN)(No.2) 2018

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

1 Fasal 8

Subfasal 8(e) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan subperenggan 135(1)(iv) dan (v) yang dicadangkan dengan subperenggan yang berikut:

- “(iv) in the case of cigarettes containing tobacco or intoxicating liquor included in a class of goods appearing in an order made under subsection 11(1)—
 - (aa) be liable for the first offence to a fine of not less than ten times the amount of the customs duty or one hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than twenty times the amount of the customs duty or five hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term of not less than six months and not more than five years or to both; and
 - (bb) be liable for a second offence or any subsequent offence to a fine of not less than twenty times the amount of the customs duty or two hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than forty times the amount of the customs duty or one million ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term of not less than six months and not more than five years or to both; and
- (v) in the case of cigarettes containing tobacco or intoxicating liquor which are prohibited goods—

- (aa) be liable for the first offence to a fine of not less than ten times the value of the goods or one hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than twenty times the value of the goods or five hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term of not less than six months and not more than five years or to both; and
- (bb) be liable for a second offence or any subsequent offence to a fine of not less than twenty times the value of the goods or two hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than forty times the value of the goods or one million ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term of not less than six months and not more than five years or to both.”.

Oleh: YB Tuan Mordi Anak Bimol [Mas Gading]

HURAIAN

Pindaan yang dicadangkan kepada *subfasal 8(e)* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meniadakan hukuman sebatan bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) Akta 235 yang berhubungan dengan rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang termasuk dalam kelas barang yang terdapat dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 11(1) Akta 235, dan bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) Akta 235 yang berhubungan dengan rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang merupakan barang larangan.

D.R. 30/2018

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kastam (Pindaan) (No. 2) 2018.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan menggantikan takrif “intoxicating liquor” dengan takrif yang berikut:

‘ “intoxicating liquor” includes any alcohol, or any liquid containing more than 1.14 per centum volume over volume of alcohol, which is fit or intended to be or which can by any means be converted for use as a beverage;’.

Pindaan seksyen 10B

3. Perenggan 10B(3)(c) Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan “an appeal” perkataan “a review or”.

Penggantian seksyen 106B

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 106B dengan seksyen yang berikut:

“Power of enforcement, investigation and inspection

106B. For the purposes of this Act, a senior officer of customs shall have all the powers of a police officer of whatever rank as provided for under the Criminal Procedure Code [*Act 593*] in relation to enforcement, investigation and inspection, and such powers shall be in addition to the powers provided for under this Act and not in derogation thereof.”.

Seksyen baharu 119A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 119 seksyen yang berikut:

“Court order

119A. (1) Where any person is found guilty of an offence under this Act, the court before which that person is found guilty shall order that person to pay to the Director General the amount of customs duty due and payable or penalty payable under this Act, if any, as certified by the Director General and such customs duty or penalty shall be recoverable in the same manner as provided under section 283 of the Criminal Procedure Code.

(2) For the purpose of subsection (1), the court has civil jurisdiction to the extent of the amount of the customs duty due and payable, and the order is enforceable in all respects as a final judgment of the court in favour of the Director General.

(3) Where any person found not guilty of an offence under this Act has paid the amount of customs duty due and payable or penalty payable pursuant to section 145A in respect of the offence charged, the court may order the amount so paid to be refunded to such person where no notice of appeal is filed.”.

Pindaan seksyen 133

6. Subseksyen 133(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) counterfeits or causes to be counterfeited or falsifies or causes to be falsified any document which is or may be required under this Act or used in the transaction of any business or matter relating to customs, or uses or causes to be used or in any way assists in the use of such counterfeited or falsified document;”;

(b) dengan menggantikan perkataan “shall, on conviction” dengan perkataan “shall be guilty of an offence and shall, on conviction”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “five years” dengan perkataan “seven years”.

Pindaan seksyen 134

7. Subseksyen 134(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “six months or to a fine not exceeding one thousand ringgit” dengan perkataan “five years or to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit”.

Pindaan seksyen 135

8. Seksyen 135 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**Penalty for various smuggling offences**” dengan perkataan “**Penalty relating to smuggling offences, evasion of duty, fraud, etc.**”;

(b) dalam subperenggan (1)(i)—

- (i) dengan menggantikan subsubperenggan (aa) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(aa) be liable for the first offence to a fine of not less than ten times the amount of the customs duty or fifty thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than twenty times the amount of the customs duty or five hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both; and”; dan

- (ii) dengan menggantikan subsubperenggan (bb) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(bb) be liable for a second offence or any subsequent offence to a fine of not less than twenty times the amount of the customs duty or one hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than forty times the amount of the customs duty or one million ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term not exceeding seven years or to both.”;

(c) dalam proviso kepada subperenggan (1)(ii), dengan memotong perkataan “and” di hujung proviso itu;

(d) dalam subperenggan (1)(iii)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “in the case of prohibited goods” perkataan “other than cigarettes containing tobacco and intoxicating liquor”;

- (ii) dengan menggantikan subsubperenggan (*aa*) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(aa) be liable for the first offence to a fine of not less than ten times the value of the goods or fifty thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than twenty times the value of the goods or five hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both; and”;

- (iii) dengan menggantikan subsubperenggan (*bb*) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(bb) be liable for a second offence or any subsequent offence to a fine of not less than twenty times the value of the goods or one hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than forty times the value of the goods or one million ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term not exceeding seven years or to both.”; dan

- (iv) dalam proviso kepada subperenggan (1)(iii), dengan menggantikan noktah di hujung proviso itu dengan koma bernoktah; dan

- (e) dengan memasukkan selepas proviso kepada subperenggan (1)(iii) subperenggan yang berikut:

“(iv) in the case of cigarettes containing tobacco or intoxicating liquor included in a class of goods appearing in an order made under subsection 11(1)—

(aa) be liable for the first offence to a fine of not less than ten times the amount of the customs duty or one hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than

twenty times the amount of the customs duty or five hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term of not less than six months and not more than five years or to both, and shall be punished with whipping of not more than three strokes; and

(bb) be liable for a second offence or any subsequent offence to a fine of not less than twenty times the amount of the customs duty or two hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than forty times the amount of the customs duty or one million ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term of not less than six months and not more than five years or to both, and shall be punished with whipping of not more than three strokes; and

(v) in the case of cigarettes containing tobacco or intoxicating liquor which are prohibited goods—

(aa) be liable for the first offence to a fine of not less than ten times the value of the goods or one hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than twenty times the value of the goods or five hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term of not less than six months and not more than five years or to both, and shall be punished with whipping of not more than three strokes; and

(bb) be liable for a second offence or any subsequent offence to a fine of not less than twenty times the value of the goods or two hundred thousand ringgit, whichever is the greater amount, and of not more than forty times the value of the goods or one million ringgit, whichever is the greater amount, or to imprisonment for a term of not less than six months and not more than five years or to both, and shall be punished with whipping of not more than three strokes.”.

Pindaan seksyen 136

9. Seksyen 136 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “assaults or obstructs” dengan perkataan “assaults, obstructs, hinders, threatens or molests”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “any goods which have been duly seized” perkataan “or any person who has been detained”;
- (c) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “three years or to a fine not exceeding ten thousand ringgit” dengan perkataan “five years or to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit”; dan
- (d) dalam subperenggan (ii), dengan menggantikan perkataan “five years or to a fine not exceeding twenty thousand ringgit” dengan perkataan “seven years or to a fine not exceeding one million ringgit”.

Pindaan seksyen 137

10. Subseksyen 137(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “a fine not exceeding ten thousand ringgit” dengan perkataan “a fine not exceeding five hundred thousand ringgit”.

Pindaan seksyen 138

11. Seksyen 138 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “twenty thousand” dengan perkataan “fifty thousand”.

Pindaan seksyen 142

12. Seksyen 142 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (19) perenggan yang berikut:

“(19A) to regulate any matter relating to customs agent;”.

Penggantian seksyen 143

13. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 143 dengan seksyen yang berikut:

“Review of and appeal against decision of the Director General

143. (1) Subject to subsection (4), any person aggrieved by any decision of the Director General may apply to the Director General to review any of his decision within thirty days from the date the person has been notified of such decision provided that no appeal has been made on the same decision to the Tribunal or High Court.

(2) An application under subsection (1) shall be made in the prescribed form.

(3) Where an application for review has been made under subsection (1), the Director General shall, where practicable within sixty days from the date of the receipt of such application, carry out the review and notify the decision of the review to the person.

(4) No review may be made in any matter relating to compound or subsection 128(3).

(5) Any person aggrieved by any decision of the Director General under subsection (3) or any other provision of this Act, except any matter relating to compound or subsection 128(3), may appeal to the Tribunal within thirty days from the date of notification in writing of the decision to the aggrieved person.

(6) Any customs duty payable under this Act shall be paid on the due date notwithstanding that any review or appeal has been made under this section.”.

Seksyen baharu 145A

14. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 145 seksyen yang berikut:

“Customs duty, etc., to be payable notwithstanding any proceedings, etc.

145A. The institution of proceedings or the imposition of a penalty, fine or term of imprisonment under this Act, or the compounding of an offence under section 131, shall not relieve any person from the liability to pay for customs duty, penalty or surcharge under this Act.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kastam 1967 (“Akta 235”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk memperkukuh kuasa penguatkuasaan pegawai kastam dan untuk menaikkan penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta 235.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 235 dengan meminda takrif “intoxicating liquor”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda perenggan 10B(3)(c) Akta 235 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh menolak untuk membuat ketetapan kastam jika dia berpendapat bahawa kajian semula di bawah Akta 235 yang melibatkan hal perkara yang disebut dalam permohonan yang dibuat di bawah seksyen 10A Akta 235 masih belum selesai.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 106B Akta 235 untuk menyatakan bahawa bagi maksud Akta 235, seorang pegawai kanan kastam hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis dengan apa jua pun pangkat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan, dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 235 dan tidak mengurangkan kuasanya.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 119A ke dalam Akta 235 untuk menghendaki mahkamah yang di hadapannya seseorang itu didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta 235 untuk memerintahkan orang itu untuk membayar kepada Ketua Pengarah amaun duti kastam yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta 235 dan duti kastam atau penalti itu boleh didapatkan mengikut cara yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah. Bagi maksud seksyen baharu 119A yang dicadangkan, mahkamah mempunyai bidang kuasa sivil setakat amaun duti kastam yang genap masa dan kena dibayar, dan perintah itu boleh dikuatkuasakan dalam semua keadaan sebagai suatu penghakiman muktamad mahkamah yang memihak kepada Ketua Pengarah. Apabila mana-mana orang telah didapati tidak bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta 235 dan dia telah membayar duti kastam yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar menurut seksyen 145A yang dicadangkan, mahkamah boleh memerintahkan amaun yang telah dibayar itu dibayar balik jika tiada notis rayuan difailkan.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 133 Akta 235.

Subfasal 6(a) bertujuan untuk meminda perenggan 133(1)(c) Akta 235 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menyebabkan apa-apa dokumen yang adalah atau mungkin dikehendaki di bawah Akta 235 atau digunakan dalam transaksi apa-apa urusan atau perkara yang berhubungan dengan kastam dilancarkan atau dipalsukan atau yang menyebabkan digunakan atau membantu dalam penggunaan dokumen yang dilancarkan atau dipalsukan.

Subfasal 6(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 133(1) Akta 235 untuk menaikkan tempoh pemenjaraan bagi kesalahan yang dinyatakan di bawah perenggan 133(1)(a) hingga (g) Akta 235 daripada lima tahun kepada tujuh tahun.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 134(1) Akta 235 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan keengganan memberikan maklumat atau memberikan maklumat palsu daripada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya kepada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 135 Akta 235.

Subfasal 8(b) bertujuan untuk meminda subperenggan 135(1)(i) Akta 235 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) Akta 235 yang berhubungan dengan barang yang termasuk dalam kelas

barang yang terdapat dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 11(1) Akta 235. Bagi kesalahan pertama, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda amaun duti kastam atau lima puluh ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali ganda amaun duti kastam atau lima ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua atau mana-mana kesalahan yang berikutnya, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada dua puluh kali ganda amaun duti kastam atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali ganda amaun duti kastam atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Subfasal 8(d) bertujuan untuk meminda subperenggan 135(1)(iii) Akta 235 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) Akta 235 yang berhubungan dengan barang larangan selain rokok yang mengandungi tembakau dan liquor yang memabukkan. Bagi kesalahan pertama, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda nilai barang atau lima puluh ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali ganda nilai barang atau lima ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua atau mana-mana kesalahan yang berikutnya, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada dua puluh kali ganda nilai barang atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali ganda nilai barang atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Subfasal 8(e) bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu 135(1)(iv) dan (v) ke dalam Akta 235. Subperenggan 135(1)(iv) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan penalti khusus bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) Akta 235 yang berhubungan dengan rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang termasuk dalam kelas barang yang terdapat dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 11(1) Akta 235. Subperenggan 135(1)(v) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan penalti khusus bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) Akta 235 yang berhubungan dengan rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang merupakan barang larangan. Pindaan ini dibuat untuk menghalang penyeludupan rokok yang mengandungi tembakau dan liquor yang memabukkan yang sekarang ini semakin meningkat, dan untuk mencegah kehilangan hasil Kerajaan.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 136 Akta 235.

Subfasal 9(a) bertujuan untuk meminda perenggan 136(a) Akta 235 untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang menggalang, mengugut atau mencabul mana-mana pegawai kastam atau pekhidmat awam lain atau mana-mana orang yang bertindak menolong atau membantunya atau diambil bekerja dengan sewajarnya bagi pencegahan penyeludupan, melakukan suatu kesalahan.

Subfasal 9(b) bertujuan untuk meminda perenggan 136(b) Akta 235 untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang menyelamatkan atau membantu menyelamatkan, atau menyebabkan diselamatkan mana-mana orang yang telah ditahan, melakukan suatu kesalahan.

Subfasal 9(c) dan (d) bertujuan untuk meminda subperenggan 136(i) dan (ii) Akta 235 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah perenggan 136(a), (b) dan (c) Akta 235. Bagi sabitan pertama, penalti dinaikkan daripada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya kepada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya. Bagi sabitan kedua atau sabitan yang berikutnya, penalti dinaikkan daripada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya kepada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau denda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 137(1) Akta 235 untuk menaikkan denda bagi kesalahan di bawah perenggan 137(1)(a), (b) dan (c) Akta 235 daripada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 138 Akta 235 untuk menaikkan penalti am bagi kesalahan terhadap Akta 235 yang berkenaan dengannya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata daripada denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 142(19A) ke dalam Akta 235 untuk memberi Menteri kuasa untuk mengawal selia apa-apa perkara yang berhubungan dengan ejen kastam.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 143 Akta 235 untuk membenarkan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah untuk memohon kepada Ketua Pengarah untuk mengkaji semula mana-mana keputusannya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh orang itu telah diberitahu tentang keputusan itu dengan syarat bahawa tiada rayuan telah dibuat ke atas keputusan yang sama kepada Tribunal atau Mahkamah Tinggi. Seksyen 143 yang dicadangkan tidak membenarkan kajian semula dibuat dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 128(3) Akta 235. Peruntukan ini juga membenarkan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah atas kajian semula atau di bawah mana-mana peruntukan lain Akta 235, kecuali apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 128(3) Akta 235, untuk merayu kepada Tribunal dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan secara bertulis mengenai keputusan itu kepada orang yang terkilan itu. Peruntukan ini juga menjelaskan bahawa apa-apa duti kastam yang kena dibayar di bawah Akta 235 hendaklah dibayar pada tarikh genap masa walau apa pun apa-apa kajian semula atau rayuan telah dibuat di bawah seksyen yang dicadangkan ini.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 145A ke dalam Akta 235. Seksyen 145A yang dicadangkan memperuntukkan bahawa pemulaan prosiding atau pengenaan penalti, denda atau tempoh pemenjaraan di bawah Akta 235, atau pengkompaunan kesalahan di bawah seksyen 131 Akta 235, tidak akan melepaskan mana-mana orang daripada liabiliti untuk membayar duti kastam, penalti atau surcaj di bawah Akta 235.

16. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2997]